



**JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **SIARAN MEDIA**

### **PROGRAM SANTUNI MADANI DI KAMPUNG JERANTUT FERI, PAHANG**

**JERANTUT, 12 OKTOBER 2024 –** Lebih 200 peserta daripada Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Perbadanan Putrajaya, Majlis Daerah Jerantut, Pejabat Pendidikan Daerah Jerantut, Kelab Kebajikan dan Sukan JWP, Kawasan Rukun Tetangga (KRT), Jawatankuasa Pembangunan Dan Keselamatan Kampung (JPKK), Jawatankuasa Masjid dan kariah Kampung Jerantut Feri menjadi sukarelawan program Santuni MADANI di Kampung Jerantut Feri, Pahang pada hari ini. Program ini menjadi platform dalam mengeratkan silaturahim sesama penduduk Kampung Jerantut Feri serta dapat meningkatkan lagi keceriaan dan keindahan Kampung Jerantut Feri.

Pelaksanaan program "Satu Pemimpin Satu Kampung" cetusan idea YAB Perdana Menteri ini merupakan kaedah meningkatkan potensi kampung serta keupayaan masyarakat melalui pemantauan secara langsung; mengenal pasti masalah sosio ekonomi; dan keperluan penduduk. Memperkayakan sikap cakna pemimpin menyantuni dan menjadi suri teladan kepada penduduk kampung kelahiran, dapat memupuk budaya "*sense of belonging*" dan "*proud with*" kampung kelahiran dalam kalangan pemimpin.

Kampung Jerantut Feri, Pahang merupakan kampung kelahiran YBhg. Dato' Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Pengarah JWP bagi program Santuni MADANI. Program hari ini melibatkan kerja-kerja mengecat pagar dan pemberian kecil Masjid Jerantut Feri, pembersihan sisa penebangan pokok dan menanam pokok baharu Penaga Lilin (Mesua Ferrea) di Sekolah Kebangsaan Pedah. JWP juga akan menaikkan papan tanda baharu berdekatan dengan Masjid Jerantut Feri.

Hasil daripada pelaksanaan program ini dapat menjadikan suasana Masjid Jerantut Feri menjadi lebih ceria dan indah untuk penduduk kampung menunaikan ibadah. Selain itu, program Santuni MADANI ini juga dapat meningkatkan tahap keselamatan para pelajar, guru dan kakitangan Sekolah Kebangsaan Pedah apabila pokok-pokok tua di sekitar kawasan sekolah ditebang. Melalui program Santuni MADANI ini dapat meningkatkan potensi kampung serta keupayaan masyarakat Kampung Jerantut Feri dan membolehkan penduduk kampung merasai kehidupan yang lebih sejahtera.

**Disediakan oleh:**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Jabatan Wilayah Persekutuan**  
**12 Oktober 2024**